

# SIARAN MEDIA

Untuk Terbitan Segera

## **BANK ISLAM HARGAI SOKONGAN PELANGGAN AL-AWFAR**

*Hadiah wang tunai RM1 juta dan lima unit kereta untuk enam pelanggan terpilih*

**KUALA LUMPUR, Sabtu, [21 September 2019]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini menyampaikan hadiah kepada enam pemenang Kempen Al-Awfar dalam satu acara yang diadakan khas untuk Kategori Cabutan Jutawan & Cabutan Khas susulan pelancaran akaun pelaburan Al-Awfar Baharu pada bulan April lalu.

Hadiah wang tunai RM1 juta bagi Kategori Cabutan Jutawan dan lima unit kereta yang terdiri daripada sebuah Mercedes C200 Avantgarde dan empat unit Honda Civic 1.5TC-P telah disampaikan kepada pelanggan Al-Awfar bertuah dalam satu majlis ringkas yang diadakan di Pusat Mercedes-Benz, Kinrara di Puchong, Selangor.

Menyempurnakan penyampaian hadiah tersebut kepada pemenang ialah Encik Mohamed Iran Morrif Mohd Shariff, Ketua Pegawai Operasi Bank Islam bersama Ketua, Deposit dan Pengurusan Tunai, Encik Mohd Noor Jab. Turut memeriahkan majlis, beberapa pendeposit tertinggi akaun Al-Awfar.

Encik Mohamed Iran berkata, "Al-Awfar Baharu menampilkan penambahbaikan kepada produk Al-Awfar pertama yang telah dilancarkan 10 tahun lalu. Al-Awfar merupakan satu produk pelaburan yang inovatif dan unik kerana ia bercirikan akaun simpanan, membolehkan pelanggan membuat pengeluaran tunai pada bila-bila masa".

"Susulan pelancaran Al-Awfar Baharu pada 16 April 2019, akaun ini menyediakan "Lebih Hadiah, Lebih Peluang, Lebih Pemenang". Hanya pada tahun ini, jumlah nilai hadiah dipertingkatkan daripada RM10 juta kepada lebih RM14 juta. Hadiah-hadiah yang terlibat turut merangkumi kereta, pakej umrah dan percutian, wang tunai dan gajet."

Beliau menambah, menerusi akaun Al-Awfar Baharu, seramai lebih 10,000 pemenang bakal memenangi hadiah-hadiah yang lebih lumayan berbanding 628 hadiah setahun yang disediakan sebelum ini. Ia juga akan melibatkan 31 pemenang di setiap negeri setiap bulan, tidak termasuk hadiah suku tahunan dan undian istimewa.

"Penganjuran Kempen Al-Awfar merupakan satu wadah bagi Bank Islam menzahirkan penghargaannya di atas sokongan para pelanggan selama ini, di samping menyediakan produk dan perkhidmatan patuh Syariah yang memenuhi keperluan mereka," ujarnya.

Akaun Al-Awfar merupakan akaun pelaburan berisiko rendah yang berdasarkan konsep *Mudarabah*, yang mana dananya dilaburkan dalam portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap sedia ada bagi memastikan pelaburan yang kukuh.

Al-Awfar bukan hanya terbuka kepada pelanggan individu tetapi juga melibatkan penyertaan pelanggan bukan individu seperti entiti perniagaan, persatuan, badan agama, sekolah, institusi pengajian tinggi, kelab dan pertubuhan.

Menerima maklum balas pasaran yang memberangsangkan dalam tempoh 10 tahun, akaun Al-Awfar telahpun melahirkan 23 orang jutawan dengan saiz dana berjumlah RM2.45 bilion dengan 771,496 akaun. Manakala Al-Awfar Baharu setakat ini telah mencapai saiz dana bernilai RM197 juta dengan 89,045 akaun.

“Dengan Al-Awfar Baharu ini, kami menyasarkan saiz dana akan meningkat kepada RM800 juta dan 230,000 pelanggan baharu pada tahun ini,” menurut Encik Mohamed Iran.

Senarai pemenang cabutan utama dan khas bagi Jun/Julai 2019:

IKMAL ZIKRI SMAIL	CABUTAN 1 JUTA
HAMIDON RASIMON	CABUTAN KHAS: MERCEDES C200 AVANTGARDE
AHMAD NAJMI ISMAIL	CABUTAN KHAS: HONDA CIVIC 1.5TC-P
DR SAEDAH SIRAJ	CABUTAN KHAS: HONDA CIVIC 1.5TC-P
SHAZLIL FAHIQ MAHAMAD SABRI	CABUTAN KHAS: HONDA CIVIC 1.5TC-P
DATO' MOHD RAZI YAACOB	CABUTAN KHAS: HONDA CIVIC 1.5TC-P

Pada majlis yang sama, Bank Islam turut menawarkan ciri-ciri baharu produk perbankan keutamaan atau dikenali sebagai Program SAPPHIRE bagi memenuhi keperluan segmen pelanggan mewahnya.

Bertujuan untuk meneroka potensi pasaran yang besar, Program SAPPHIRE yang ditambah nilai ini menampilkan penambahbaikan mutu perkhidmatan dan penawaran termasuk penyediaan Ruang Istirahat Premium, jemputan eksklusif ke acara korporat seperti pelancaran produk baharu, tiket sukan percuma, kemudahan prakilulusan *Cash Line-i*, penyediaan Pegawai Perhubungan SAPPHIRE bagi memudahkan urusan perbankan berkaitan, diskaun-diskaun menarik serta mata ganjaran TruReward bagi perbelanjaan di luar negara.

Encik Mohamed Iran berkata, “Segmen pelanggan mewah mempunyai potensi pasaran yang cerah, malah setakat ini, 11,337 pelanggan Bank Islam tergolong dalam segmen pelanggan mewah yang berpotensi.

“Oleh itu, dalam usaha kami untuk menyediakan perkhidmatan dan produk terbaik yang memenuhi segenap segmen pelanggan, Program SAPPHIRE ditambah baik dengan fokus yang lebih khusus.

“Kami akan mengambil langkah yang agresif dalam mempromosikan Program SAPPHIRE termasuk lebih aktif berhubung dengan pelanggan, meneroka segmen pelanggan mewah baharu dan mempelbagaikan penawaran produk dan perkhidmatan berkaitan,” katanya.

Beliau juga memaklumkan bahawa Mercedes Benz kini menawarkan kepada pelanggan-pelanggan Bank Islam pakej servis khusus bernilai RM5,500.00 dan Goodie Bag bernilai RM1,000.00 dengan pembelian sebuah kereta Mercedes Benz Certified Pre-Owned pada hari ini dan esok 21 dan 22 September 2019 di Hap Seng Star Kinrara Pre-owned Centre di Puchong, Selangor.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

---

#### **Mengenai Bank Islam**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan masyarakat beragama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

#### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel.bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden, Perhubungan Awam BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
---	--